

PNS dedah ilmu bisnes francais

Bantu usahawan tempatan teroka potensi bidang perniagaan tersebut.

NORSHAHZURA MAT ZUQI

Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Pertubuhan Pemilik Tanah dan Waris Tanah (PP/TWT) Kampung Baru menganjurkan Program BizFrancais Kuala Lumpur 2019 untuk membantu usahawan di Kuala Lumpur dan Selangor menceburi bidang perniagaan francais.

PNS dalam satu kenyataan akhbarnya menjelaskan, program merangkumi sesi perkongsian ilmu dari usahawan francais, taklimat daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), PNS dan MyIPO serta klinik per-

niagaan bersama jenama francais dan jenama di bawah program Business In Transformation (BIT) yang diselia oleh perbadanan berkenaan.

"Program dihadiri seramai 300 peserta yang terdiri daripada usahawan, bakal usahawan dan orang awam yang berminat untuk mengetahui ilmu keusahawanan terutamanya dalam bidang francais dan bantuan yang ditawarkan oleh PNS," katanya.

Program BizFrancais Kuala Lumpur 2019 dirasmikan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Shahrudin Md Salleh.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi (Sokongan Perniagaan) PNS, Azlina Juliani Abdul Jalil, Ketua Pegawai Operasi (Perniagaan) PNS, Hassan Abd Rahman dan Presiden Pertubuhan Pemilik Tanah dan Waris Tanah (PP/TWT) Kampung Baru, Mashuti Mat Soon.

PNS berkata, program turut mengumpulakan jenama francais



Dr Shahrudin (enam dari kiri), Azlina (lima dari kanan) dan Mashuti (lima dari kiri) bersama penerima pembiayaan PNS pada Program BizFrancais Kuala Lumpur 2019 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

di bawah satu bumbung dan memberi peluang kepada peserta mengenali usahawan dihasilkannya, sekali gus meneroka potensi bidang perniagaan francais.

"Terdapat 21 jenama menyertai program seperti Marrybrown, Smart Reader Kids, Genius Audio, Clean Pro, Station One, Pezizo, Ferlab, 1901, MD Putu Bambu World dan Mail Boxes ETC.

"Turut sama pada kali ini ialah usahawan BIT PNS seperti Chacha Meatball, AR Nursing, Zaman Diary, Old Time Sengkuang dan banyak lagi," katanya.

Dalam program sama, PNS turut menyampaikan pembiayaan sebanyak RM1.65 juta kepada beberapa usahawan.

Sejak 2004 sehingga kini, PNS telah membiayai 1,001 usahawan

di Selangor dan Kuala Lumpur dengan jumlah keseluruhan bernilai RM214.67 juta.

Sementara itu, Dr Shahrudin berkata, industri francais di Malaysia semakin berkembang pada setiap tahun dan ia merupakan petanda yang baik kerana semakin ramai usahawan menceburi segmen perniagaan berkenaan.